

Dik 14/2/14 Ms 2



# Menyanjung jasa wira negara

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

Dalam kesibukan anak muda meraikan Hari Kekasih, saling memberi bunga dan bertukar hadiah, tidak semua mengetahui pada tarikh yang sama ini juga seorang perwira negara telah gugur.

Perwira negara yang melakar kejayaan menjadi ikon kepada pasukan keselamatan negara. Perjuanganannya bukan kecil, walaupun ditembak berpuluh kali, tokoh pejuang itu masih gagah mengangkat senjata membalas tembakan musuh hingga ke titisan darah terakhir.

Leftenan Adnan, nama cukup sinonim dan sering kedengaran setiap kali tibanya sambutan Hari Kemerdekaan. Bagaimanapun, ramai yang tidak mengetahui atau mengingati tarikh kematian Leftenan Adnan.

laut pada 1939. Kapalnya, HMS Pelanduk, ditenggelamkan Jepun dalam pelayaran ke Australia manakala Amarullah terselamat dari peperangan dan dilaporkan menetap di Kajang, Selangor.

Menyingkap kisah remajanya, Leftenan Adnan menerima pendidikan awal di Sekolah Sungai Ramal dalam aliran Inggeris. Leftenan Adnan seorang pelajar yang rajin dan berjaya dalam pengajian.

Selepas menamatkan pengajian, beliau terpilih sebagai guru pelatih dan mengajar selama lebih satu tahun sebelum mengambil keputusan memasuki pasukan tentera.

Pada 1933, ketika berusia 18 tahun, beliau mencuba nasib menjalani pemilihan tentera dan berjaya menyertai Rejimen Askar Melayu.

» *Leftenan Adnan berjuang hingga ke titisan darah terakhir*

tar ke Singapura untuk kursus latihan pegawai.

Setelah menamatkan kursus sebagai Leftenan Muda, Adnan dilantik sebagai Ketua Platun Ketujuh Kompeni C dan menerima gelaran Leftenan.

Adnan mendirikan rumah tangga dengan seorang guru yang mengajar di kampungnya, Sophia Pakih Muda dan dikurniakan tiga orang anak, dua lelaki serta seorang perempuan.

Pada 1941, beliau diperintahkan berkhidmat di Singapura. Beliau membawa keluarganya bersama dan mereka tinggal di Pasir Panjang, kawasan penempatan untuk keluarga Rejimen Askar Melayu.

Apabila berita peperangan Perang Dunia Kedua semakin hampir dan Jepun bersedia menyerang Singapura, Leftenan Adnan menghantar keluarganya kembali ke



Dilahirkan di Kampung Sungai Ramal, Kajang, pada 1915, wira negara yang diberi nama Adnan Saidi adalah anak sulung dalam keluarganya.

### **Adik turut terkorban**

Jejak langkahnya menyertai pasukan keselamatan negara turut menjadi ikutan adik-adiknya, Ahmad Saidi dan Amarullah Saidi. Ahmad juga terkorban dalam pertempuran selepas dia memasuki angkatan tentera

### **Rekrut terbaik**

Minatnya dalam dunia ketenteraan selain sifat kepemimpinan yang tinggi melayakkan Adnan menjadi rekrut terbaik pasukannya. Hanya beberapa tahun berkhidmat dalam pasukan tentera, pada 1936 Adnan dinaikkan ke pangkat Sarjan.

Pada 1937, Adnan terpilih untuk mewakili platunnya dalam perbarisan hormat di London bagi menyambut pertabalanan Raja George VI.


Tidak lama selepas itu, Adnan sekali lagi dinaikkan pangkat kepada Kompeni Sarjan Mejar dan dihan-


kampung mereka di Kajang.

Perit hatinya terpaksa berpisah dengan isteri dan anak, apatah lagi ketika itu, isterinya sedang mengandung anak mereka yang ketiga. Linangan air mata mengiringi pemergian isteri dan anak-anaknya, pelukan perpisahan terakhir di antara mereka.

### **Pantang undur**

Sejarah pendaratan Jepun di Tanah Melayu dan tindakan pantas Jepun memaksa Tentera British berundur ke Singapura. Terjadilah pertempuran sengit mempertahankan Singapura, termasuk pertempuran di Pasir Panjang atau dikenali sebagai





Pertempuran  
Bukit Candu.

Bukit Candu dinamakan sempena kilang memproses candu yang dahulunya terletak di kaki bukit berkenaan. Bukit Candu menandakan sempadan pertahanan terakhir. Ia kedudukan pertahanan penting di Singapura berasaskan dua alasan strategik, ia boleh melihat bahagian utara Singapura dan selain itu, sekiranya pihak Jepun mengawal permatang, ia memberikan mereka laluan langsung ke kawasan Alexandra.

Alexandra adalah tapak depoh bekalan peluru dan bekalan utama, hospital tentera dan kemudahan utama Tentera British, menjadikan Bukit Candu perlu dipertahankan sehingga ke titisan darah terakhir.

Pertahanan permatang itu telah ditugaskan kepada Kompeni C, satu pasukan kecil Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu (1 Melayu).

Batalion 1 Melayu dan Batalion 2 Melayu bersama-sama dengan batalion kedua Rejimen Tentera Setia British dipusatkan menjadi Briged Infantri Pertama Malaya.

Pada 13 Februari 1942, Division Chrysanthemum Tentera Jepun di bawah pemerintahan Leftenan Jeneral Renya Mutaguchi menyerang persisiran selatan Singapura - Permatang Pasir Panjang.

Permatang dibedil bertalu-talu dengan sokongan udara, mortar berat dan bedilan meriam. Kompeni C di bawah pimpinan Adnan ditempatkan di Perkampungan Pasir Panjang dan mereka memberikan tentangan hebat membuatkan tentera Jepun berundur.

Tengah malam 14 Februari 1942, Kompeni C menerima arahan bergerak ke tapak pertahanan baharu di Pt. 226, Bukit Candu. Lebih ramai askar tambahan ditempatkan ke pasukan di bawah pimpinan Adnan, menjadikan jumlah keseluruhannya, 42 anggota.

#### **Bina benteng pertahanan**

Adnan memerintah anggotanya

memperkuhkan benteng pertahanan mereka dengan beg pasir. Pada petang 14 Februari, Adnan yang ketika itu berusia 27 tahun, melihat kemaraan pasukan tentera Sikh, pasukan tentera upahan daripada Tentera British India yang ditugaskan untuk membantu pasukannya.

Bagaimanapun, Adnan mengesan sesuatu yang tidak kena apabila pasukan tentera itu bergerak dalam kumpulan berempat dan bukannya bertiga seperti Tentera British India.

Menyedari ia adalah helah tentera Jepun, Adnan dan anak buahnya melepaskan tembakan dan berjaya membunuh lebih kurang 20 orang musuh pada jarak dekat sehingga memaksa tentera Jepun berundur.

Dua jam selepas pengunduran pertama, tentera Jepun kembali melancarkan serangan besar-besaran dengan bilangan anggota yang lebih besar.

Serangan itu menumpaskan pasukan Adnan kerana bilangan anggota yang jauh lebih kecil dan kekurangan peluru, namun Rejimen Askar Melayu bertempur sehingga titisan darah terakhir.

Walaupun ramai anggota yang terkorban, pasukan dipimpin Adnan berjaya membunuh lebih daripada 800 tentera Jepun. Menurut Kopekral Yaakob yang terselamat dalam pertempuran itu, kematian Adnan sangat menyayat hati.

Yaakob, yang menerima Pingat Keberanian Medal of Gallant, terselamat kerana beliau yang cedera parah dalam pertempuran itu terjatuh atas mayat rakannya dan dia berpura-pura mati.

Ketika itulah beliau melihat tentera Jepun mengheret Adnan sebelum diserkup dengan guni dan menggantung kakinya pada pokok ceri. Tidak cukup dengan itu, Adnan yang tergantung tidak bernyawa ditikam berkali-kali.

Keberanian Adnan bersama Kontinjen 42 anggota Rejimen Askar Melayu yang bertempur mati-matian untuk mempertahankan permatang Pasir Panjang menjadi satu episod yang kekal dalam lipatan sejarah.

